



YURAN
PENYERTAAN
RM200
TERMASUK
MAKAN/MINUM &
SIJIL PENYERTAAN
TEMPAT TERHAD

KURSUS

KEFAHAMAN DAN BIMBINGAN PENGURUSAN HARTA KELUARGA ISLAM TAHUN 2024



8 - 9 OKTOBER 2024



8.00 PAGI - 5.00 PETANG



RUMAH KELAB PERSATUAN
ALUMNI UNIVERSITI MALAYA
(PAUM)



SILA IMBAS QR
BORANG
PENDAFTARAN



Pn. Nor Hartini /Pn. Amirah /En. Ghani : 03-62046320/322/325



program@ikim.gov.my



program.ikim.gov.my

DITAJA OLEH:



Maybank
Islamic

PENGENALAN

Program Kursus Asas Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam yang berjaya dilaksanakan pada dari tahun 2019 sehingga November 2021 merupakan hasil keprihatinan pihak IKIM terhadap senario kegagalan pengurusan harta keluarga dalam kalangan masyarakat. Pada tahun 2016 sahaja telah dilaporkan bahawa nilai aset yang tidak dituntut di negara ini berjumlah kira-kira RM60 bilion dengan kebanyakan aset tersebut dipercayai ialah aset orang Islam. Pada awal tahun 2020 pula menurut media, jumlah tersebut telah bertambah kepada kira-kira RM70 bilion, dan sehingga tahun 2021, harta beku yang dilaporkan di Malaysia meningkat menjadi RM90 bilion. Hal ini demikian kerana kurang pengetahuan serta maklumat yang terbatas dalam kalangan orang awam berkenaan dengan cara pengurusan harta pusaka sehingga menyebabkan harta tersebut tidak dituntut melebihi enam bulan selepas kematian pemilik harta.

Program tersebut adalah untuk memperbaiki kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam dalam hal-hwal pengurusan harta (termasuk kewangan) yang masih berada pada tahap yang rendah. Ia juga bagi menyelesaikan kekeliruan yang dihadapi oleh sesetengah daripada masyarakat Islam terhadap konsep dan fungsi instrumen pengurusan harta keluarga yang disediakan dalam syariah. Umpamanya membuat wasiat terhadap ahli keluarga dari kalangan waris yang sememangnya sudah mempunyai kedudukan dan kepentingan dalam pusaka.

Program yang dicadangkan ini merupakan usaha IKIM secara berterusan untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat Islam, seterusnya membimbing peserta yang hadir agar pengetahuan serta ilmu kemahiran yang diperoleh dapat menjadikan mereka sebagai individu yang mampu mengguna pakai instrumen pengurusan harta dalam mentadbirkan harta keluarga mereka, ataupun menyelesaikan masalah berkaitan harta dalam kalangan keluarga mereka.

OBJEKTIF

- ✔ Untuk memberi kefahaman yang betul, tepat dan secara spesifik kepada peserta terhadap aplikasi instrumen pengurusan harta seperti faraid, hibah, wasiat dan harta sepencarian secara lebih praktikal.
- ✔ Untuk memberi kefahaman mengenai setiap instrumen kepada peserta dan menyesuaikan pengagihan harta yang hendak dilaksanakan sesuai menurut struktur perwarisan keluarga masing-masing.
- ✔ Untuk membimbing peserta dalam menyediakan dokumentasi hibah dan wasiat yang sah dari segi hukum syarak dan undang-undang. Selain itu memberi kefahaman yang mendalam mengenai permohonan harta sepencarian, prosedur yang dilalui dan berkongsi tips-tips yang berguna.
- ✔ Untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai jenis-jenis pusaka, selain memberi bimbingan kepada peserta dalam menguruskan harta pusaka keluarga mengenai prosedur yang perlu dilalui dan menjelaskan agensi-agensy tertentu yang terlibat dalam pengurusan pusaka.

KURSUS KEFAHAMAN DAN BIMBINGAN PENGURUSAN HARTA
KELUARGA ISLAM TAHUN 2024

HARI PERTAMA (8 OKTOBER 2024/ SELASA)

8.00 – 8.45 pagi	Pendaftaran Peserta & Sarapan
8.45 – 9.00 pagi	Taklimat Ringkas oleh Penyelaras Program
9.00 – 10.30 pagi	Sesi I Moderator: Puan Suzana binti Md Samsudi PENGURUSAN HARTA KELUARGA ISLAM YBr. Tuan Mohd Syafiq bin Norizan/Puan Siti Shamsiah binti Md Supi Peguam Syarie (Syafiq Norizan & Associates)/ Pegawai Penyelidik Kanan, IKIM
10.30 – 11.00 pagi	Rehat
11.00 – 1.00 tgh. hari	Sesi II Moderator: Puan Siti Shamsiah binti Md Supi HIBAH DAN WASIAT DARI ASPEK HUKUM-HAKAM YBr. Datin Dr. Noor Lizza binti Said Pensyarah Kanan/Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
1.00 – 2.30 ptg.	Makan tengah hari dan Solat Zuhur
2.30 – 2.45 ptg.	Slot Perkongsian bersama Maybank Islamic Berhad
2.45 – 4.45 ptg.	Sesi III Moderator: Cik Wan Roslili binti Abdul Majid DOKUMENTASI HIBAH DAN WASIAT YBr. Tuan Mohd Faiz bin Adnan Peguam Syarie (Tetuan Faiz Adnan & Associates)
4.45 ptg.	Program ditangguhkan

HARI KEDUA (9 OKTOBER 2024/RABU)

8.00 – 9.00 pagi	Sarapan
9.00 – 10.30 pagi	Sesi IV Moderator: Puan Siti Shamsiah binti Md Supi HARTA SEPENCARIAN: PROSEDUR DI MAHKAMAH SYARIAH YAA Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rusdi Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah Perak
10.30 – 11.00 pagi	Rehat dan Minum Pagi
11.00 – 1.00 tgh. hari	Sesi V Moderator: Puan Suzana binti Md Samsudi PENGENALAN KEPADA FARAID YBr. Dr. Mohd Zamro bin Muda Timbalan Dekan Prasiswazah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
1.00 – 2.30 ptg.	Makan tengah hari dan Solat Zuhur
2.30 – 2.45 ptg.	Slot Perkongsian bersama Maybank Islamic Berhad
2.45 – 4.45 ptg.	Sesi VI Moderator: Cik Wan Roslili binti Abdul Majid PENTADBIRAN HARTA PUSAKA KECIL DI MALAYSIA YBr. Tuan Baharuddin bin Aziz Pengarah Bahagian Pusaka, Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
4.45 ptg.	Program ditangguhkan

*Tertakluk pada perubahan